

**HUBUNGAN ANTARA PELAKSANAAN BEKERJA
DARIPADA RUMAH DAN PRESTASI KERJA SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DALAM KALANGAN PEKERJA
DI KPDNHEP KOTA KINABALU, SABAH.**



NUR HANISAH BINTI JAMIL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

**HUBUNGAN ANTARA PELAKSANAAN BEKERJA
DARIPADA RUMAH DAN PRESTASI KERJA SEMASA
PANDEMIK COVID-19 DALAM KALANGAN PEKERJA
DI KPDNHEP KOTA KINABALU, SABAH.**

NUR HANISAH BINTI JAMIL



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA
MUDA HUBUNGAN INDUSTRI**

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.


*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri yang bertajuk Hubungan Antara pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna(KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



NUR HANISAH BINTI JAMIL

BA19110920



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

HUBUNGAN ANTARA PELAKSANAAN BEKERJA DARIPADA RUMAH DAN PRESTASI KERJA SEMASA PANDEMIK COVI-19 DALAM KALANGAN PEKERJA DI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP) KOTA KINABALU, SABAH.

Oleh:

NUR HANISAH BINTI JAMIL

BA19110920

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh ijazah sarjana muda sains sosial dengan kepujian dalam bidang hubungan industri.

syakirah

22 September 2022

Penyelia Akademik

Tarikh

Dr. Noor Syakirah Binti Zakaria

Pensyarah Hubungan Industri

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah di atas limpah dan kurnian-Nya, pengkaji dapat menyiapkan penulisan tesis ini dipermudahkan, Alhamdulillah. Tujuan tesis ini dilakukan adalah untuk memenuhi syarat bergraduasi dan melalui penulisan tesis ini, pengkaji berharap dapat memberi sumbangan kepada penambahan ilmu pengetahuan kepada para pembaca dan para pengkaji di masa yang akan datang khususnya bagi mereka yang bergelar pelajar hubungan industri.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan turut pengkaji ingin tujukan kepada Dr. Noor Syakirah Binti Zakaria selaku penyelia sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini. Kesabaran dan kesudian beliau dalam membimbing serta memberi tunjuk ajar, memberi sokongan dari segi ilmu pengetahuan, idea berkaitan kajian ini amatlah saya hargai walaupun hakikatnya beliau sibuk dengan komitmen lain. Tidak lupa juga ucapan ribuan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah hubungan industri yang lain yang turut membantu pengkaji dengan pengalaman, perkongsian ilmu pengetahuan dan maklumat mereka sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini.

Di samping itu, buat ibu bapa tercinta, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kerana berkat doa dan sokongan moral yang diberikan sungguh bernilai sehingga pengkaji mampu menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Buat Syakina Binti Salim, Mohd Azmin, Nur Affizan, Nur Atikah Syazwani dan Nurazira insan yang paling banyak memberi sokongan dalam meningkatkan semangat dan memberi pertolongan kepada pengkaji sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini, jutaan terima kasih diucapkan. Tidak dilupa, buat kawan-kawan yang lain, ribuan terima kasih turut saya ucapkan kerana sudi berkongsi ilmu, idea dan bantuan sepanjang kajian ini dilakukan.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan antara pelaksanaan bekerja daripada rumah dan prestasi kerja semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan pekerja di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah. Pandemik COVID-19 telah mengubah setiap aspek seluruh kerja dan kehidupan. Sebagai tindak balas kepada pembendungan nasional dan tempatan dasar, syarikat, organisasi dan institusi menggalakkan mereka pekerja untuk bekerja dari jauh di rumah untuk kekal selamat. Dalam kajian ini pengkaji telah mengemukakan beberapa objektif, yang pertama mengenalpasti pelaksanaan bekerja daripada rumah semasa pandemik Covid-19. Kedua adalah mengukur prestasi kerja yang ditunjukkan dalam kalangan pekerja. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 75 orang responden. Borang soal selidik juga telah diedarkan melalui pautan Google Form melalui media sosial. Data yang diperolehi melalui soal selidik ini telah dianalisis menggunakan SPSS versi 28. Berdasarkan kepada analisis deskriptif, pelaksanaan bekerja daripada rumah semasa pandemik Covid-19 adalah pada tahap yang sederhana, manakala prestasi kerja yang ditunjukkan semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan pekerja adalah pada tahap yang tinggi. Selain itu, analisis regresi mudah menunjukkan bahawa pelaksanaan bekerja daripada rumah mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja. Ini menunjukkan hubungan yang positif di antara bekerja daripada rumah dan prestasi kerja dalam kalangan pekerja. Oleh itu, hipotesis alternatif adalah diterima yang mana wujud hubungan antara pelaksanaan bekerja daripada rumah dan prestasi kerja yang ditunjukkan semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan pekerja di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.

Kata Kunci : Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah, Prestasi Kerja, KPDNHEP, pandemik Covid-19.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the relationship between the implementation of working from home and work performance during the Covid-19 pandemic among employees at the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) in Kota Kinabalu, Sabah. The COVID-19 pandemic has changed every aspect of work and life. In response to national and local containment policies, companies, organizations and institutions are encouraging their employees to work remotely from home to stay safe. In this study, the researcher has presented several objectives, the first of which is to identify the implementation of working from home during the Covid-19 pandemic. The second is to measure the work performance shown among employees. This study was conducted using quantitative methods. The study sample consisted of 75 respondents. The questionnaire was also distributed through a Google Form link through social media. The data obtained through this questionnaire has been analyzed using SPSS version 28. Based on the descriptive analysis, the implementation of working from home during the Covid-19 pandemic is at a moderate level, while the work performance shown during the Covid-19 pandemic among employees is at the level the highest. Moreover, simple regression analysis shows that the implementation of working from home has a significant relationship with work performance. This shows a positive relationship between working from home and work performance among employees. Therefore, the alternative hypothesis is accepted that there is a relationship between the implementation of working from home and the work performance shown during the Covid-19 pandemic among employees at the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) in Kota Kinabalu, Sabah.

Keywords: Implementation of Working From Home, Work Performance, KPDNHEP, Covid-19 pandemic.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	1
PENGENALAN	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1-4
1.3 Permasalahan Kajian	4-5
1.3.2 Kajian Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19.	5-6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.6.1 Kepentingan terhadap Kerajaan	7
1.6.2 Kepentingan terhadap Organisasi	8-9
1.6.3 Kepentingan terhadap pekerja	9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Definisi Operasional	9
1.8.1 Perubahan Cara Kerja	9
1.8.2 Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah.	9-10
1.8.3 Kemudahan ICT	10
1.8.4 Prestasi Kerja	10-11
1.9 Susunan Tesis	11
BAB 2	12
SOROTAN LITERATUR	12

2.1 Pengenalan	12
2.2 Konsep Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah	12-17
2.2.1 Definisi Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah	17-19
2.2.2 Produktiviti Tenaga Kerja	19-20
2.2.3 Persekitaran Kerja	20-21
2.4 Teori dan Model	24
2.4.1 Teori Prestasi Kerja	24-29
2.4.2 Teori Boundary	29
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Hubungan Bekerja Dari Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja	29-34
2.6 Kerangka Konseptual	34
2.7 Hipotesis Kajian	35
2.8 Rumusan Bab	35
BAB 3	36
METODOLOGI KAJIAN	36
3.1 Pengenalan	36
3.2 Reka Bentuk Kajian	36-38
3.2.1 Pendekatan Kaedah Penyelidikan Kuantitatif	38
3.3 Unit Analisis	38
3.4 Teknik Persampelan	39
3.4.1 Populasi	39
3.4.2 Sampel Kajian	39-40
3.5 Teknik Pengumpulan	40
3.5.1 Pengumpulan Data Primer	40
3.5.2 Pengumpulan Data Sekunder	40
3.6 Instrumen Kajian	41
3.6.1 Soal Selidik	41
3.7 Pengukuran Pemboleh Ubah Kajian	42
3.7.1 Bahagian A: Demografi Responden	43
3.7.2 Bahagian B: Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah	43-44
3.7.3 Bahagian C: Prestasi Kerja yang Ditunjukkan dalam Kalangan Pekerja semasa Pandemik Covid-19	45-46
3.8 Teknik Analisis Data	46-47
3.9 Rumusan Bab	47
BAB 4	48

ANALISIS DAPATAN KAJIAN	48
4.1 Pengenalan	48
4.2 Demografi Responden	48-51
4.3 Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Bebas dan Pemboleh Ubah Bersandar	51
4.3.1 Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pekerja.	52-52
4.3.2 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah Semasa Pandemik Covid-19 dalam kalangan pekerja di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	52-59
4.3.3 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Prestasi Kerja yang Ditunjukkan Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	59-63
4.4 Analisis Regresi Hubungan Diantara Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	63
4.4.1 Rumusan Model Hubungan Diantara Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	64
4.4.2 Analisis ANOVA Hubungan Diantara Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	65
4.4.3 Pengaruh Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Kinabalu, Sabah.	66
4.5 Keputusan Hipotesis	67
4.6 Rumusan Bab	67
BAB 5	68
PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	68
5.1 Pengenalan	68
5.2 Ringkasan Kajian	68-69
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	70
5.3.1 Objektif Pertama : Menenal Pasti Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah Dalam Kalangan Pekerja Semasa Pandemik Covid-19.	70-74
5.3.2 Objektif Kedua : Mengukur Prestasi Kerja Yang Ditunjukkan Dalam Kalangan Pekerja Semasa Pandemik Covid-19.	74-76
5.4 Implikasi Kajian	76

5.4.1 Implikasi Teoritikal	76-77
5.4.2 Implikasi Metodologi	77
5.4.3 Implikasi Praktikal	77
5.5 Batasan Kajian	78
5.6 Cadangan Kajian Akan Datang	78-79
5.7 Rumusan Bab	79
RUJUKAN	80-83
LAMPIRAN	84-91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.2.1 Definisi-Definisi Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah	17-19
Jadual 3.6.1: Senarai Instrumen Kajian yang Digunakan	41
Jadual 3.6.2: Pemilihan Jawapan Mengikut Skala Likert	42
Jadual 3.7.2: Item Bahagian B	43-44
Jadual 3.7.3: Item Bahagian C	45-46
Jadual 3.8.1: Kaedah Analisis Data	47
Jadual 3.8.2: Skor Min	47
Jadual 4.2.1: Taburan Kekeperan Jantina	49
Jadual 4.2.1: Taburan Kekeperan Jantina	49
Jadual 4.2.2 : Taburan Kekeperan Umur	50
Jadual 4.2.3 : Taburan Bangsa	50
Jadual 4.2.4 : Taburan Status	51
Jadual 4.2.5 : Taburan Tempoh Berkhidmat	52
Jadual 4.3.1.1: Purata Min Dan Sisihan Piawai Bagi Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja	52
Jadual 4.3.1.2: Purata Nilai Min Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah	52
Jadual 4.3.1.3: Penerangan Skor Min Berdasarkan Akma Binti Che Ishak (2016).	53-57
Jadual 4.3.2.1: Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah Semasa Pandemik Covid-19 Dalam Kalangan Pekerja Di KPDNHEP Kota Kinabalu, Sabah.	59-62
Jadual 4.3.3.1: Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19 yang Ditunjukkan Dalam Kalangan Pekerja di KPDNHEP Kota Kinabalu, Sabah.	64
Jadual 4.4.1.1: Rumusan Model Hubungan Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja	65
Jadual 4.4.2.1: Analisis ANOVA Hubungan Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah dan Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pekerja	65
Jadual 4.4.3.1: Pengaruh Pelaksanaan Bekerja Daripada Rumah Terhadap Prestasi Kerja Dalam Kalangan Pekerja	66
Jadual 4.5.1 : Ringkasan Keputusan Hipotesis	67

SENARAI RAJAH

Rajah 2.6.1 : Kerangka Konseptual Kajian	34
Rajah 3.7.1: Pemboleh Ubah Bersandar dan Pemboleh Ubah Bebas	42



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- KPDNHEP** – Kementerian Perdagangan Dalam Negara dan Hal Ehwal Pengguna
- COVID-19** – *Coronavirus Disease 2019*
- SPSS** – *Statistical Package for the Social Sciences*
- WFH** – *Work From Home*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Borang Soal Selidik	84-88
Lampiran B : Jadual dan Graf Analisis Regresi	89-90
Lampiran C : Keputusan Turnitin	91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pengenalan yang mengandungi latar belakang kajian berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan permasalahan, persoalan dan objektif kajian yang bertitik tolak daripada jurang penyelidikan yang terdapat dalam pernyataan masalah tersebut. Selain itu, bab ini juga mengandungi kepentingan kajian yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak, skop kajian yang disertakan dengan justifikasi pemilihan bahan/istrumen/sampel serta ringkasan organisasi kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pandemik COVID-19 telah mengubah setiap aspek seluruh kerja dan kehidupan. Sebagai tindak balas kepada pembendungan nasional dan tempatan dasar, syarikat, organisasi dan institusi menggalakkan mereka pekerja untuk bekerja dari jauh di rumah untuk kekal selamat. Bekerja dari rumah (WFH) muncul pada awal tahun 2000-an, apabila teknologi telekomunikasi mula berkembang dan pekerja boleh melakukan WFH untuk mengelak berulang-alik, memberikan fleksibiliti dalam jadual dan mencapai kehidupan kerja yang lebih baik seimbang. Semasa pandemik COVID-19, ramai pekerja dinasihatkan kepada WFH sepenuh masa, yang mentakrifkan semula konsep konvensional WFH yang lazimnya hanya untuk jenis kerja tertentu, pada sekali-sekala, atau berdasarkan keadaan pekerja yang unik. Banyak syarikat percaya bahawa WFH akan menjadi lebih biasa selepas wabak kerana majikan telah membayar tetap kos untuk menyediakan sistem kerja jauh untuk pekerja mereka.

Syarikat kini sedang menentukan sama ada kos operasi boleh meningkat secara mendadak berkurangan dengan mengurangkan ruang pejabat yang diperlukan. Selain syarikat yang melihat manfaat WFH, terdapat mencatatkan faedah langsung kepada pekerja. Paling ketara, WFH menjimatkan masa berulang-alik harian dan menawarkan lebih fleksibiliti untuk diambil oleh pekerja menjaga keluarga mereka. WFH membolehkan pekerja memilih bekerja di masa yang paling produktif dan WFH boleh memberi manfaat mengelakkan gangguan daripada rakan sekerja, terutamanya dalam pelan terbuka pejabat. Wujudnya bekerja dari rumah (WFH) , pekerja boleh berehat daripada datang ke pejabat mereka dan

memberi tumpuan kepada menganjurkan pendekatan individu untuk keseimbangan kerja-kehidupan mereka yang boleh menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan manfaat untuk kesihatan fizikal dan mental.

Pekerja juga mempunyai lebih kawalan terhadap faktor persekitaran apabila WFH daripada dalaman faktor kualiti persekitaran (IEQ). Sebagai contoh, pencahayaan, suhu, kelembapan, kualiti udara, bunyi bising, ergonomik dan lain-lain adalah penting untuk kesihatan fizikal dan mental pekerja. Khususnya, faktor IEQ mempengaruhi keselesaan pekerja yang seterusnya memberi kesan kepada kepuasan. Tidak seperti di pejabat konvensional, di mana ruang kerja biasanya diatur oleh majikan. Semasa bekerja dari rumah (WFH) pekerja mempunyai autonomi penuh dan bertanggungjawab menyediakan ruang kerja mereka di rumah dan pekerja boleh bekerja di lokasi di rumah yang mungkin mempunyai IEQ yang lebih baik keadaan berbanding berada dalam bilik tetap atau pelan terbuka pejabat. Malah, penyelidikan telah mendapati bahawa pejabat di rumah mungkin menyediakan keadaan kualiti udara yang lebih baik berbanding dengan pejabat tradisional.

Menurut Coggan (2020), menyatakan bahawa pengurus terkejut bahawa Eksperimen bekerja dari rumah menunjukkan bahawa pekerja boleh menjadi produktif. Hubungan antara pelaksanaan bekerja dari rumah dan prestasi kerja dalam keadaan wabak bagaimanapun, masih kurang diterokai. Dubrin (2013) mentakrifkan kepimpinan transformasi sebagai gaya yang membawa perubahan positif yang besar dalam sesebuah pertubuhan oleh memotivasikan ahli kumpulan melebihi kepentingan diri ke arah kebaikan pertubuhan itu. Begitu juga, Bass (1999) meletakkan tugas pemimpin transformasi termasuk menyelaraskan kepentingan an organisasi dan ahlinya. Ciri-ciri kepimpinan transformasi boleh membawa kepada pemacu yang diperlukan untuk prestasi kerja pekerja yang positif.

Menurut Bernardin & Russell (1998) prestasi kerja merujuk kepada rekod hasil kerja atau set tindakan tertentu. Prestasi kerja adalah hasil kerja seseorang individu dalam menyelesaikan tugas yang telah dilimpahkan kepadanya dan berdasarkan kompetensi, pengalaman, kesungguhan dan masa kerja. Menurut Prabowo (2005), prestasi ialah tahap kejayaan yang dicapai oleh seseorang yang boleh dinilai atau dinilai. Menurut Hasibuan (2000), prestasi kerja adalah hasil akhir usaha seseorang individu dalam menyelesaikan tugas yang diberikan kepadanya berdasarkan kecekapan, pengalaman, keazaman dan masa. Menurut Arifin Haji Zainal (1985), kejayaan seseorang pekerja menyiapkan kerja yang diberikan diukur melalui tahap prestasi kerja mereka. Manakala sistem semakan dan

penilaian berulang yang sistematik terhadap prestasi kerja individu atau kumpulan, penilaian prestasi (Mondy, Noe & Premeaux 2002).

Bagi menghentikan penularan virus Covid-19 dan memastikan ia tidak merebak lebih jauh, pelbagai halangan yang unik dan ketara telah ditimbulkan kepada pekerja dan majikan. Di mana ia mungkin diiktiraf berdasarkan bagaimana bentuk kerja telah berubah, yang merupakan salah satu kesan yang dialami oleh wabak COVID-19 terhadap pekerjaan dalam pelbagai industri yang berbeza. Kajian ini memberi tumpuan kepada peralihan dalam amalan kerja kerana berbuat demikian merangkumi dan memberi penerangan tentang keadaan semasa amalan kerja di dunia. Oleh kerana itu, perhatian diberikan kepada topik ini. Pada zaman wabak COVID-19 ini, ia memberi kesan dan mengubah suai cara pekerja beroperasi, dan pekerja perlu mengamalkannya dalam rutin biasa mereka. Oleh kerana ia memberi kesan kepada sektor pekerjaan, yang merupakan penyelesaian yang diguna pakai oleh kerajaan dan syarikat dalam menentukan cara orang meneruskan kerja mereka, perubahan dalam cara kerja ini dilakukan adalah sangat penting kerana ia melibatkan sektor pekerjaan. Namun, pada masa yang sama ia perlu berhati-hati untuk mengelak penularan wabak Covid-19 yang sedang dialami ketika ini.

Peralihan dalam cara kerja dilakukan, budaya atau amalan baru telah muncul di tempat kerja. Ia adalah sebahagian daripada pekerjaan normal baharu, yang merupakan cabaran kepada pekerja dan memerlukan semua pekerja dan perniagaan menyesuaikan amalan mereka dengan sewajarnya. Salah satu anjakan dalam cara kerja dilakukan yang boleh diperhatikan berlaku dalam konteks di mana anjakan itu berlaku dengan ketara ialah kebangkitan kerja maya. Menurut Raghuram (2019), kerja maya ialah fenomena yang agak baharu di mana individu beroperasi dari lokasi berbeza dan berhubung antara satu sama lain semata-mata melalui penggunaan komunikasi pengantaraan komputer atau peralatan teknikal yang semakin maju. Dalam tempoh pasca-pandemi ini, frasa "bekerja dari rumah" boleh dikatakan satu kemestian untuk sebarang situasi yang melibatkan pekerjaan secara sambilan.

Pekerja kini boleh berkomunikasi antara satu sama lain tanpa mengira masa atau lokasi kerana dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini juga boleh menyokong pengembangan pelbagai bentuk pengaturan kerja maya yang boleh membantu mereka mencapai matlamat strategik mereka. Sebagai contoh, semakin banyak syarikat mula menyediakan pekerja mereka peluang untuk bekerja dari rumah menggunakan satu bentuk telekomunikasi yang dikenali sebagai telework sebagai cara

untuk mencapai keseimbangan yang sihat antara kehidupan peribadi dan profesional mereka dan sebagai cara untuk menarik dan mengekalkan pekerja berkualiti (Gahendran & Harrison, 2007 dalam Raghuram 2019). Bentuk pengaturannya yang lain, seperti pasukan maya, juga menjadi lebih biasa. Susunan jenis ini membolehkan ahli pasukan atau pekerja yang berasingan berinteraksi walaupun berada dalam jarak fizikal dengan menggunakan komunikasi elektronik dan bentuk teknologi moden yang lain (Gilson et al., 2015 dalam Raghuram, 2019). Walaupun konsep "kerja maya" telah wujud sejak awal zaman, penyelidik baru-baru ini mula memberi perhatian kepadanya. Kehadiran wabak Covid-19 telah menarik minat sebilangan besar penyelidik, yang kini meneliti bagaimana sifat buruh telah berubah sebagai tindak balas kepada wabak itu.

Tambahan pula, berdasarkan kajian ini, ia dapat membuktikan dan membuka mata dunia luar bahawa bekerja dari rumah masih relevan sehingga kini kerana banyak pihak berpendapat kerja dari rumah sudah tidak relevan, lebih-lebih lagi pada masa kini, dalam era industri. revolusi. Kajian ini dapat membuktikan dan membuka mata dunia luar kerana ia menunjukkan kerja dari rumah masih relevan sehingga kini. 4.0, yang membuat kemajuan yang ketara. Di samping itu, kajian topik ini menjadi sangat penting kerana kedua-dua organisasi dan pekerja perlu berubah agar organisasi dapat terus membangun dan berkembang serta syarikat dapat terus beroperasi. Jika organisasi tidak menyesuaikan diri dengan keadaan baharu dan enggan menerima perubahan, organisasi tidak akan dapat menjalankan tugas operasinya dengan jayanya. Pekerja hendaklah sentiasa bersedia untuk membuat pelarasan dan harus berusaha untuk memastikan perubahan tersebut dapat dilaksanakan dengan cara yang tertumpu pada pencapaian matlamat organisasi.

1.3 Permasalahan Kajian

Covid-19 adalah penularan wabak yang sangat memberi kesan dalam tamadun manusia di abad ini. Hal ini kerana kemunculan Covid-19 dalam realiti dunia hari ini telah menimbulkan perubahan yang drastik terhadap corak kehidupan manusia. Bukan itu sahaja, Pandemik Covid-19 ini juga telah mengakibatkan banyak sektor ekonomi dan pekerjaan terjejas. Menurut Alzahrin Alias (2020), lebih daripada 190,000 usahawan wanita kebanyakannya terbabit dalam perniagaan mikro dan sektor perkhidmatan turut terjejas. Malah, terdapat syarikat juga terpaksa berdepan dengan tempoh sukar sehingga ia menjejaskan pembayaran gaji dan perkara yang lebih menakutkan ramai pekerja diberhentikan khidmat serta merta. Wabak COVID-19 telah mengakibatkan kemunculan norma baharu di tempat kerja. Bagi mengekalkan operasi lancar semua proses, prosedur dan tindakan yang

berkaitan dengan tugas yang melibatkan semua pihak berkepentingan berkesan perniagaan mesti mengambil langkah luar biasa sebagai tindak balas kepada wabak ini.

1.3.1 Kajian Lepas Berkaitan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Semasa Pandemik Covid-19 Hanya Tertumpu Kepada Tekanan Teknologi Sahaja.

Menurut Suneson (2020), wujudnya COVID-19 ini telah membawa kepada krisis global yang telah melanda banyak industri perkhidmatan. Dimana ia mengganggu pasaran dan ekosistem perkhidmatan (Craven et al., 2020). Oleh sebab itu ia telah merubah cara kerja pekerja dan emaksa orang ramai untuk bekerja dari rumah dan banyak organisasi ini telah mengubah dasar sumber manusia mereka dalam menampung perubahan yang tidak dijangka (Carnevale dan Hatak, 2020). Pelaksanaan bekerja dari rumah telah menjadi norma baharu semasa pandemik Covid-19. Dimana pekerja menggunakan teknologi dalam mempelajari kemahiran baru untuk kekal dikemas kini dan berkomunikasi secara maya. Hal ini telah menyebabkan amalan baru untuk bekerja dari rumah. Ia telah didokumentasikan dengan baik bahawa inovasi teknologi telah menjadi pemacu integrasi kerja dan domain bukan kerja (Rothbard dan Ollier-Malaterre, 2016). Semasa pandemik Covid-19, secara umumnya setiap organisasi berdepan dengan cabaran berkaitan dengan produktiviti kerja. Amalan sebegini memberikan ruang kepada pekerja agar lebih kreatif dalam menjalankan tugas semasa bekerja dari rumah. Oleh itu, kajian ini bakal berfokus kepada hubungan pelaksanaan bekerja dari rumah terhadap pekerja secara menyeluruh tertumpu kepada pekerja di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

1.3.2 Kajian Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Dan Prestasi Kerja Semasa Pandemik Covid-19.

COVID-19 baru-baru ini telah menjadi isu global yang membawa maut. Kerajaan di seluruh dunia terpaksa mengambil tindakan untuk memperlambatkan penyebaran virus itu. Salah satu dasar adalah penjarakan sosial. Akibat daripada dasar ini, sekolah, tempat kerja, tarikan pelancong, dan juga beberapa pengangkutan awam telah ditutup selama-lamanya. Banyak syarikat telah mematuhi peraturan kerajaan untuk bekerja dari rumah. Walau bagaimanapun, sehingga kini kesan kerja dari rumah terhadap prestasi kerja pekerja masih boleh dipertikaikan (Allen, Golden & Shockley, 2015). Bukan itu sahaja, ia sekali gus mewujudkan jurang penyelidikan. Menurut Donny Susilo (2020) berpendapat bahawa pekerja boleh bekerja di rumah dengan menggunakan platform persidangan video untuk komunikasi. Ia boleh membuatkan mereka berasa selamat daripada risiko dijangkiti

coronavirus. Kerja di rumah juga membolehkan pekerja menjadi lebih fleksibel dalam membuat janji temu dan menjalankan tugas. Tambahan pula, mereka tidak perlu menghabiskan masa atau wang untuk berulang-alik. Pekerja pejabat yang bekerja dari rumah telah meningkatkan autonomi. Ini merujuk kepada sejauh mana sesuatu pekerjaan membolehkan seseorang itu membuat keputusan mengenai kaedah bagaimana untuk menyiapkan kerja tersebut. Satu lagi faedah bekerja dari rumah ialah peluang untuk pekerja mengubah suai atau memilih tempat kerja mereka sendiri. Allen, Golden & Shockley (2015) berpendapat bahawa telekomunikasi akan berfungsi dengan baik apabila sifat kerja itu mudah alih, atau ia boleh dilakukan dalam talian. Oleh itu, prestasi kerja dalam persekitaran telekomunikasi banyak dipengaruhi oleh ciri-ciri pekerjaan itu sendiri.

Malaysia telah menguatkuasakan pelbagai undang-undang bagi mengurangkan pergerakan dan memutuskan rantai Covid-19. Hal ini dilakukan untuk dijadikan salah satu kaedah sekatan pergerakan untuk mengawal penyebaran wabak (Anon, 2020). Perubahan bentuk kerja ini dapat dilihat sangat ketara dalam pelbagai sektor apabila berdepan dengan pandemik Covid-19. Perkara ini wujud beberapa masalah dalam kebiasaan pekerja mahupun majikan yang menjadikan perkara ini perkara yang baru dan perlu menyesuaikan diri dengan keadaan baharu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana bentuk kerja sering diketahui adalah bekerja dengan bersemuka dan terus menerus antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Namun, hadirnya Covid-19 ini telah mengubah bentuk kerja dengan bekerja melalui atas talian ataupun satu bentuk kerja yang terhad. Bentuk kerja dapat diklarifikasikan seperti masa bekerja, tempat mahupun ruang pekerjaan, suasana pekerjaan dan banyak lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka diarahkan bekerja secara maya ataupun lebih dikenali bekerja dari rumah semasa pandemik Covid-19. Namun, ia menjadi tugas mereka mengikut kepada kategori pekerjaan mereka sama ada mereka dikehendaki untuk bekerja secara maya ataupun bekerja di pejabat. Oleh itu, perkara ini menjadi kajian kepada pengkaji mengapa kajian ini perlu dijalankan.

1.4 Persoalan Kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah terdapat di dalam persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah pelaksanaan bekerja daripada rumah dalam kalangan pekerja semasa pandemik Covid-19?
2. Apakah prestasi kerja yang ditunjukkan dalam kalangan pekerja semasa pandemik Covid-19?

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini dijalankan untuk melihat perubahan bentuk kerja semasa pandemik Covid-19, manakala secara khususnya kajian ini bertujuan:

1. Mengenalpasti pelaksanaan bekerja daripada rumah dalam kalangan pekerja semasa pandemik Covid-19.
2. Mengukur prestasi kerja yang ditunjukkan dalam kalangan pekerja semasa pandemik Covid-19.

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan hendaklah mempunyai kepentingan sama ada kepada penyelidik atau pihak-pihak yang tertentu. Kepentingan sesuatu kajian ini memberi implikasi yang besar dalam menjawab permasalahan atau persoalan yang wujud dalam kajian yang dijalankan. Kajian ini dibuat berkaitan dengan perubahan bentuk kerja terhadap kesatuan pekerja-pekerja yang mempengaruhi penglibatan dalam kesatuan sekerja yang mempunyai kepentingan tersendiri dan walaupun pernah ada kajian ini dilakukan.

Namun hasil daripada kajian lain adalah berbeza-beza dari segi penemuan yang didapati daripada kajian yang dilakukan dan mampu memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu dan perpaduan kepada kesatuan serta membantu pengembangan kepimpinan dari bawah dan memastikan kuasa penawaran dan perundingan yang kuat.

1.6.1 Kepentingan terhadap Kerajaan

Kepentingan terhadap kerajaan bagi petubuhan bentuk kerja adalah untuk mengeluarkan garis panduan yang lengkap, mewujudkan sudut informasi isu semasa dan menganjurkan sesi latihan untuk kefahaman terhadap Covid-19. Perubahan bentuk kerja yang dilakukan adalah untuk membantu agar penularan wabak Covid-19 ini dapat dihentikan. Dalam kajian ini, kerajaan telah mengeluarkan satu makluman perubahan bentuk kerja dilakukan secara bekerja dari rumah, waktu bekerja, ruang bekerja, dan fleksibel. Dimana ia dapat membantu pekerja dalam melaksanakan tugas mereka dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana adalah untuk melindungi rakyat untuk terus bekerja dan dapat mengurangkan pengangguran berlaku.

Bukan itu sahaja, kepentingan kerajaan dalam kajian ini adalah untuk mengekalkan peranan kerajaan daripada kehilangan hak untuk kesatuan sekerja dalam penuntutan mereka sebagai majikan atau pekerja dalam suatu organisasi. Kajian ini dilakukan dapat memberikan gambaran awal atau sebagai rujukan kepada mereka dan dapat membantu serba sedikit dalam menjalankan kajian mereka.

1.6.2 Kepentingan terhadap Organisasi

Kepentingan terhadap organisasi adalah untuk menjaga kepentingan pekerja di tempat kerja. Akta Kesatuan Sekerja 1959 mentakrifkan kesatuan sekerja di Malaysia sebagai kumpulan gabungan atau pekerja yang beroperasi di Malaysia. Kesatuan sekerja bukan sahaja organisasi yang memperjuangkan kepentingan ekonomi perkerja atau merundingkan gaji. Malah organisasi memperjuangkan keadaan kerja dengan pihak pengurusan lebih-lebih lagi perubahan bentuk kerja yang berlaku semasa pandemik Covid-19. Hal ini dikatakan demikian kerana kepentingan organisasi dalam melindungi dan memperjuangkan kepentingan pekerja melalui tindakan kolektif. Pekerja menggunakan kesatuan sekerja adalah untuk berkomunikasi dengan syarikat bagi menambah baik dalam perubahan bentuk kerja yang berlaku.

Selain itu, kesatuan sekerja memberikan maklumat yang jelas dengan semua ahlinya tentang perubahan bentuk kerja dalam meningkatkan ekonomi. Tambahan pula, kesatuan sekerja boleh memberikan ahlinya faedah keselamatan pekerjaan yang lebih tinggi daripada pekerja yang tidak teratur dan tidak sesuai. Dimana kesatuan sekerja adalah penting dalam mempertahankan dan memperjuangkan hak kali mereka kerana mereka adalah penghubung yang boleh berunding dengan majikan.

1.6.3 Kepentingan terhadap pekerja

Dalam sesebuah organisasi, pekerja merupakan salah satu aset yang sangat penting. Pekerja merupakan sumber utama dalam memacu bagi meningkatkan produktiviti kerja dalam sesebuah organisasi yang berperanan dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Sesebuah organisasi dapat mencapai matlamat mereka dalam memajukan organisasi sekiranya majikan dapat menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja. Hal ini adalah untuk meningkatkan lagi produktiviti pekerja dalam sesebuah organisasi lebih-lebih lagi wujudnya perubahan bentuk kerja semasa pandemik Covid-19.

Oleh itu, kajian ini adalah penting bagi mengenalpasti pelaksanaan bekerja daripada rumah dalam kalangan pekerja semasa pandemik Covid-19. Kajian ini memfokuskan kepada pelaksanaan bekerja daripada rumah dan prestasi kerja semasa pandemik Covid-19. Kajian ini akan dijalankan dan dapat memberi pendedahan kepada penyelidik lain. Melalui kajian-kajian seperti ini ia dapat menunjukkan elemen-elemen yang mana yang sangat signifikan kepada pelaksanaan bekerja daripada rumah dan prestasi kerja semasa pandemik Covid-19 dalam kalangan pekerja di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Kota Kinabalu, Sabah.